

SALUTASI

**MAJLIS PERTUKARAN MOA, MOU DAN LOI ANTARA
UTeM BERSAMA AGENSI DAN INDUSTRI**

Bismillahirrahmanirrahim
Terima kasih pengacara majlis

Yang Berusaha Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berusaha Ts. Dr. Rostam Affendi bin Hamzah
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Musthafah bin Mohd Tahir
Pengarah, Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi)

En. Saiful Adib Abdul Munaff
Senior Director, Malaysian Green Technology
And Climate Change Corporation (MGTC)

En. Tony Tee Boon Chai
Group Chairman/Group Managing Director
Scientific & Technical Products Sdn. Bhd.

Puan Siti Rohayu Mohd Isa
Penolong Pengarah
SWCorp Negeri Melaka

Tn. Hj. Mohd Norlisam bin Mohd Nordin
Pengurus Besar Korporat
Edaran SMW Sdn. Bhd.

Staf-Staf UTeM, dan
Perwakilan-Perwakilan dari Agensi dan Industri

Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera,
Salam UTeM ku Sayang, Menajar Universiti, Melonjak Ke
Hadapan.

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR

YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

**MAJLIS PERTUKARAN MOA, MOU DAN LOI ANTARA
UTeM BERSAMA AGENSI DAN INDUSTRI**

اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک

15 Februari 2023 (Rabu)

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Bangunan Canselori**

SALUTASI

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara UTeM dan MGTC, Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dan (Scitech) dan tiga (3) surat niat (LOI) antara UTeM dengan IPGK Perempuan Melayu, SWCorp dan Edaran SWM Sdn. Bhd.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini di atas kesudian dan kerjasama di dalam penganjuran Majlis ini. “Selamat Datang” dan “Selamat Bekerjasama” kepada tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.
3. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, UTeM sekali lagi secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama dengan agensi dan industri di dalam pelbagai aktiviti seperti kolaborasi penyelidikan, pembangunan,


inovasi dan pengkomersilan serta penganjuran kursus dan program yang dapat memberi manfaat bersama. Tahniah diucapkan kepada Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi) kerana telah melaksanakan kolaborasi dengan agensi yang berkaitan. Juga kepada FTKEE kerana berjaya mewujudkan kerjasama erat dengan industri dalam memberi nilai tambah yang positif kepada aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan universiti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

4. Dalam mendepani pelbagai cabaran dan isu-isu semasa, jalinan kerjasama ini amat penting untuk memastikan penyelesaiannya adalah mengikut acuan yang betul. Justeru melalui kerjasama strategik ini, pelaksanaan program yang lebih holistik, tersusun dan terselaras mampu untuk dilaksanakan. Dan saya lihat, pemeteraian MoA, MoU dan surat niat antara pihak pelaksana dan pihak berkepakaran adalah sangat perlu. Dengan erti kata lain, perlu ada kerjasama yang berstruktur antara pihak universiti, agensi dan industri.

5. Dalam hubungan ini juga, UTeM amat berterima kasih kepada pihak MGTC atas kolaborasi pintar dan strategik bermula dengan MoU hingga kepada MoA pada hari ini. Kerjasama ini sebenarnya banyak membantu universiti dalam mengukuhkan Pengurusan Tenaga UTeM sehingga UTeM berjaya mencapai beberapa anugerah seperti *National Energy Award* (NEA) 2021, dan *Asean Energy Award* (AEA) 2021. UTeM juga telah menjadi satu-satunya universiti awam yang telah mencapai dan mengekalkan 3 bintang dalam *Energy Management Gold Standard* (EMGS) pada 2022. Saya difahamkan

kerjasama UTeM-MGTC ini akan diteruskan dengan pelbagai cadangan projek dan program yang telah dirancang oleh pihak CENSEi.

- 
6. Kerjasama penyelidikan di antara universiti dan pihak industri adalah sangat diperlukan dalam memartabatkan tahap penyelidikan Malaysia di peringkat yang lebih tinggi. Hasil dari perbincangan bersama Scientific & Technical Products Sdn. Bhd, mereka yakin dengan kemampuan penyelidik UTeM dan juga peralatan yang dimiliki di UTeM bagi bidang kepakaran dan kemudahan penyelidikan

terutama dalam bidang teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

7. Bukan itu sahaja, pemeteraian surat niat atau nota kerjasama juga merupakan satu tindakan strategik dalam merangka dan melaksanakan aktiviti atau program dengan lebih berkomitmen. Hasil Nota Kerjasama UTeM IPG Kampus Perempuan Durian Daun, Melaka ini, UTeM telah melaksanakan budaya pemindahan ilmu kepada komuniti dalam Bengkel Saponifikasi Sabun, Lilin dan Penghalau Serangga dari Minyak Masak Terpakai di IPG


pada 17 Januari 2023 kepada pelatih IPG. Ilmu itu kemudiannya telah dipindahkan kepada komuniti iaitu kepada 150 pelajar SK Ayer Keroh, Melaka pada 31 Januari 2023. Program ini sebenarnya telah memanfaatkan UTeM dengan mendapat penarafan 5 bintang impak jalinan komuniti dalam MyRa. Terima kasih diucapkan dan saya difahamkan kerjasama dengan IPG ini dalam proses menyiapkan dokumen MoU.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

8. Saya telah dimaklumkan oleh Pengarah CENSEi bahawa UTeM bekerjasama erat dengan SWCorp dan Edaran SWM Sdn Bhd dalam pelbagai aktiviti dan program berkaitan kelestarian alam sekitar sejak sebelum PKP lagi. Kerjasama ini menyasarkan kefahaman yang mendalam khususnya pembudayaan warga UTeM dan komuniti dalam aktiviti kitar semula. Antara aktiviti yang telah dilakukan iaitu ceramah, pertandingan, program kesedaran dan bengkel-bengkel yang berkaitan kitar semula, KitaRecycle, *Thrash to Cash* dan penghasilan

produk baru melalui aktiviti 3R. Bagi pihak UTeM, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kerjasama ini.

- 
9. Saya berharap memorandum dan surat niat/nota kerjasama yang termeterai ini akan memberikan lembaran baharu dan nafas yang lebih segar kepada kerjasama antara UTeM, agensi awam dan industri. Saya juga berharap pelaksanaan program-program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada semua yang terlibat.

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

